

## **Tahap Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Berbantuan Mufradat dan Uslub Al-Quran**

***Ku Fatahiyah Ku Azizan<sup>1</sup>, Wazzainab Ismail<sup>2</sup>, Farah Nur-Rashida Rosnan<sup>3</sup>, & Hanis Najwa Shahrudin<sup>4</sup>***

*Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
kufatahiyah@kuis.edu.my<sup>1</sup>, wazzainab@kuis.edu.my<sup>2</sup>, farahnurrashida@kuis.edu.my<sup>3</sup>, &  
hanisnajwa@kuis.edu.my<sup>4</sup>*

### **ABSTRAK**

Kemahiran menulis, membaca, mendengar dan bertutur merupakan empat kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Kemahiran berbahasa ini dapat dipertingkatkan melalui kaedah-kaedah, teknik serta aktiviti-aktiviti yang pelbagai antaranya adalah melalui penguasaan pelajar terhadap hafazan ayat-ayat al-Quran. Seorang hafiz al-Quran yang telah menghafal perkataan atau mufradat serta gaya bahasa atau uslub al-Quran mempunyai kelebihan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab. Justeru kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wal Qiraat di Selangor berbantuan perkataan (mufradat) dan gaya bahasa (uslub) al-Quran yang telah dihafal. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik dalam proses pengumpulan data. Dengan menggunakan teknik persampelan rawak, soal selidik telah diedarkan dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada 279 orang pelajar Tahfiz wal Qiraat di Darul Quran JAKIM (DQ) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Data-data yang diperolehi menunjukkan tahap kemahiran membaca, mendengar dan menulis pelajar tahfiz dengan berbantuan mufradat dan uslub al-Quran berada pada tahap yang tinggi. Sementara bagi kemahiran bertutur berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran bahasa Arab bagi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.05 dengan sisihan piawai = 0.514. Justeru, diharapkan agar pensyarah dapat memaksimumkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan mufradat dan uslub al-Quran yang telah dihafal oleh pelajar-pelajar Tahfiz terutama dalam kemahiran bertutur. Dapatan kajian juga turut mencadangkan agar pelajar tahfiz perlu didedahkan dengan metodologi untuk menghubungkan antara pembelajaran bahasa dan ilmu al-Quran.

Kata Kunci: Tahap, Kemahiran, bahasa Arab, Pelajar Tahfiz, Perkataan, Gaya Bahasa.

### **ABSTRACT**

Writing, reading, listening and speaking skills are the four basic skills that all students need to master in the Arabic language learning process. The language skills can be enhanced through the various methods, techniques and activities among them are through the mastery of the students on the memorization of the verses of the al-Quran. A hafiz of the Quran that has memorized the word (mufradat) and language styles (uslub) has the advantage of improving Arabic language proficiency. Therefore, this study is aimed to find out the level of Arabic language skill among Tahfiz wal Qiraat students in Selangor with the memorized Qur'anic word and uslub. This study is a quantitative study using questionnaire instrument in the data collection process. Using random sampling techniques, questionnaires were distributed amongst students comprising 279 Tahfiz wal Qiraat students in Darul Quran JAKIM (DQ) and Selangor International Islamic University College (KUIS). The data obtained indicate that the levels of reading, listening and writing skills of the Tahfiz students with the help of mufradat

and uslub al-Quran are at a high level. Meanwhile, speaking skills are at moderate level. Overall, the result of the study shows that the level of Arabic language proficiency for the Tahfiz students towards Arabic learning is at a high level with a mean value of 3.05 with standard deviation = 0.514. Therefore, it is hoped that the lecturer can maximize the teaching and learning of Arabic language with the teaching of al-Quran which has been memorized by Tahfiz students especially in speaking skills. The findings also suggest that tahfiz students need to be exposed with methodology to link between language learning and Quranic knowledge.

Keywords: Levels, Skills, Arabic, Tahfiz Students, Words, Language Styles

## **PENGENALAN**

Pengajaran bahasa Arab di Malaysia meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa (Ku Fatahiyah et. al, 2014).qa Kemahiran berbahasa Arab adalah kemampuan seseorang untuk menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan nyata. Para ahli metodologi pengajaran bahasa Arab kepada non-Arab membahagikan kemahiran berbahasa Arab kepada empat jenis kemahiran, iaitu: 1) Mahārat al-Istimā' (kemahiran mendengar) 2. Mahārat al-Qirā'ah(kemahiran membaca), 3. Mahārat al-Ḥiwār(kemahiran bercakap) dan 4. Mahārat al-Kitābah (kemahiran menulis).

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa (Nik Mohd Rahimi, 2003). Menurut Wan Izzuddin & Wan Hasni (1991), ramai pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar yang baik disebabkan mereka tidak memberikan daya tumpuan yang jitu terhadap guru yang sedang mengajar di dalam kelas. Kadang-kadang pelajar gagal memberikan perhatian kepada guru kerana mereka menjalankan aktiviti lain semasa mendengar seperti menulis, mencatat nota dan ada pula yang cuba membaca buku. Nik Mohd Rahimi (2005) berpendapat latihan kemahiran mendengar hendaklah dijadikan asas penggabungan antara satu kemahiran dengan kemahiran berbahasa yang lain. Namun, berdasarkan kajian beliau, teknik pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab inilah yang sering diabaikan dan tidak ditekankan dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia.

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca (Yahya 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif, dan pengalaman membaca.

Kemahiran bertutur pula merupakan kemahiran lisan yang amat penting, sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Sebahagian besar pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah (Mastura & Kaseh, 2012). Bahkan tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai mahasiswa juga

sangat rendah. Mereka tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam hubungan sesama mereka (Ab.Halim Mohamad, 2009).

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi yang perlu dicapai oleh pelajar khususnya dalam pembelajaran bahasa asing. Kemampuan seorang pelajar dalam membina ayat dapat mencerminkan kemampuan pelajar menguasai kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar, membaca dan bertutur. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Rahimi et al. (2008) bahawa kemahiran menulis berkembang selari mengikut perkembangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang. Pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab didasari beberapa objektif penting. Beberapa objektif pengajaran kemahiran menulis ayat telah digariskan oleh (Muhammad Kamil al-Naqah,1985). Menurut beliau pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab ialah bagi membolehkan pelajar; (i) menterjemah idea dalam bentuk penulisan menggunakan susunan ayat yang betul, (ii) menterjemah idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat, (iii) menterjemah idea dalam bentuk ayat menggunakan kaedah nahu yang betul, (iv) menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan. Perkara ini turut diberi perhatian oleh Salleh Abdul Majid (1981) yang menyatakan bahawa kemahiran menulis perlu memberi penekanan terhadap kemahiran membentuk susunan ayat yang betul dan boleh difahami oleh pembaca.

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Ku Fatahiyah etl. (2014), dapatan kajian terhadap empat tahap kemahiran asas bahasa Arab telah menemukan bahawa tahap kemahiran bertutur, membaca dan menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar di IPT berada pada tahap yang tinggi. Namun, tahap kemahiran mendengar pelajar berada pada tahap yang sederhana.

Masalah kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sering kali diperkatakan. Kelemahan ini adalah melibatkan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah serta penuntut di institusi pengajian tinggi. Menurut Kamarul Shukri & Mohd Hazli 2008, kelemahan bahasa Arab ini turut dihadapi oleh pelajar-pelajar di IPT bahkan pelajar yang mengambil pengkhususan Pengajian Islam dan Bahasa Arab juga masih berada pada tahap penguasaan bahasa Arab yang sangat membimbangkan.

Terdapat beberapa hasil kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah, sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah. (Kamarul Shukri & Mohd Hazli, 2008, Ab. Halim Mohamad, 2009). Para pelajar tidak dapat membaca teks Arab dengan lancar walaupun teks tersebut merupakan teks yang mudah, ringkas dan berbaris. (Mohd Zahimie & Hakim Zainal, 2014). Bahkan, tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar juga adalah di peringkat yang sederhana. (Mastura & Kaseh, 2012).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Program Tahfiz al-Quran wal Qiraat adalah antara program yang menjadi pilihan pelajar dan ibubapa untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi di Malaysia. Pelajar yang mengambil jurusan Tahfiz al-Quran wal Qiraat di IPT di Malaysia dalam masa yang sama perlu mengambil kursus wajib bahasa Arab yang ditawarkan oleh institusi-institusi tersebut. Namun demikian, berdasarkan kepada pemantauan yang diperoleh oleh pengkaji dan rakan-rakan dalam proses P&P di KUIS mendapati bahawa ramai pelajar tahfiz yang telah menghafaz al-

Quran dengan baik namun tidak dapat mengaplikasikan bahasa al-Quran dalam kursus wajib bahasa Arab sama ada dalam atau luar kelas. Secara asasnya, para hafiz al-Quran menghafaz ratusan serta ribuan kosa kata serta uslub-uslub Arab melalui hafazan ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran. Namun yang demikian, melalui pemerhatian pengkaji dalam proses P&P bahasa Arab dalam kelas, kemampuan pelajar-pelajar tahfiz untuk menggunakan mufradat serta uslub dari al-Quran yang dihafaz dalam kemahiran berbahasa Arab adalah kurang memuaskan.

Sesuatu yang amat membimbangkan kerana terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan melibatkan peranan guru tahfiz dengan penguasaan pelajar tahfiz dalam memahami maksud ayat hafazan al-Quran. Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafaz, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu atau tarannum. Namun, aspek kefahaman dan penjanaan berfikir dengan ayat-ayat yang dipelajari tidak dipentingkan. Aspek kefahaman inilah sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab. (Mahyuddin, 2001). Pelajar tahfiz sepatutnya perlu mengetahui kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya. (Aznil et.al, 2014)

Justeru satu kajian dijalankan bagi mengetahui tahap kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Pengkaji mendapati masih terdapat kekurangan maklumat dan rujukan, penulisan dan penerbitan berkaitan kemahiran bahasa Arab dan hafalan al-Quran oleh pelajar tahfiz khususnya. Justeru, diharapkan agar kertas kerja yang ditulis hasil dari kajian yang dilakukan ini dapat memberi maklumat awal untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam.

## **KAJIAN LITERATUR**

Al-Quran dan bahasa Arab adalah dua perkara yang berkait rapat iaitu seumpama dua sisi mata wang yang tidak dapat dipisah-pisahkan antara satu dengan yang lainnya. Kajian yang dilakukan oleh calon Sarjana di Indonesia, Husna Rosidah (2015), membuktikan bahawa terdapat pengaruh positif antara hafalan al-Quran dan prestasi pembelajaran bahasa Arab. Menurut Moh. Maksyufun (2015), mempelajari bahasa Arab adalah syarat wajib untuk menguasai isi Al-Quran dan mempelajari bahasa Al-Quran bererti mempelajari bahasa Arab. Mereka yang fasih membaca al-Quran akan mudah untuk membaca teks-teks Arab dengan lancar. Dengan demikian penguasaan pelajaran bahasa Arab dengan kemampuan membaca Al-Quran merupakan satu kesepaduan dalam pelajaran pendidikan.

Beberapa kajian di peringkat sarjana juga telah dijalankan demi menguji kolerasi di antara penguasaan bahasa Arab dan kaitannya dengan penguasaan al-Quran. Kajian yang telah dijalankan oleh seorang pelajar sarjana Indonesia ke atas siswa MI Matholiunnajah Sinanggal Mlonggo Jepara sesi 2014-2015, bertujuan untuk meneliti seberapa kuat hubungan penguasaan bahasa Arab terhadap kemampuan membaca al-Quran dan signifikan hubungan penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan membaca Al-Qur'an siswa. Ternyata, terdapat pengaruh yang sangat signifikan di antara penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan membaca al-Quran. Ini bermakna, tinggi rendahnya penguasaan pelajaran bahasa Arab siswa ada hubungan erat dengan kemampuan siswa dalam membaca kitab suci Al-Quran. Penguasaan bahasa Arab merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam diri individu dan mempunyai hubungan kuat dengan kemampuan seseorang dalam membaca Al-Quran.

(Moh. Maksyufun Nuha, 2015). Muslikhatun (2016), dalam tesis sarjana beliau turut menegaskan bahawa konsentrasi pelajar dalam menghafal al-Quran mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Hasil kajian sarjana yang dilakukan oleh Siti Sofiah, 2013, yang telah dijalankan di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngaliyan Semarang, menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara penguasaan mufradat dengan kemampuan menghafal al-Quran. Oleh kerana itu, semakin tinggi penguasaan mufradat mahasiswa, semakin tinggi pula kemampuan membaca al-Quran mereka, sebaliknya semakin rendah penguasaan mufradat pelajar, semakin rendah pula kemampuan membaca al-Quran mereka.

Bahasa Arab mampu dikuasai dengan baik apabila seseorang individu mampu menguasai al-Quran. Ini dapat dilihat kepada para pelajar dan pengajar yang telah menguasai hafazan al-Quran. Mereka mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menguasai bahasa Arab, ini kerana pendekatan hafazan al-Quran merupakan kaedah terbaik dalam menguasai mufradat dan boleh diaplikasikan penggunaan kalimahnyanya ketika proses pembelajaran dan pengajaran. (Mohd Zulkifli et al, 2015)

Kenyataan ini turut disokong oleh Zahriah et al, (2016). Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tahfiz untuk mengetahui kepentingan pengetahuan nahu (tatabahasaa) Arab dalam proses menghafaz al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat di antara penguasaan nahu Arab dalam pembelajaran hafazan al-Quran. Ianya menjadi motivasi kepada pelajar tahfiz dan juga sebagai salah satu strategi menghafaz al-Quran. Kajian ini juga dapat menyedarkan para pendidik dan pelajar bahawa al-Quran merupakan sumber terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa arab. Penguasaan nahu dilihat sangat memberikan impak positif dalam mempengaruhi hafazan al-Quran. Bahkan, para pelajar yang menghafaz al-Quran mendapat dua kebaikan iaitu melalui hafazan al-Quran itu sendiri dan dapat menggunakan ayat-ayat yang dihafaz ketika memperaktikkan bahasa Arab.

Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa bahasa Arab dan Al-Quran adalah dua perkara yang mendokong antara satu dengan yang lain.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam kalangan pelajar tahfiz di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pelajar tahfiz di Darul Quran (DQ) JAKIM berbantuan mufradat dan uslub al-Quran yang telah dihafaz.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Instrumen yang digunakan telah dibina oleh penyelidik dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2016 dengan mendapat pengesahan pakar yang telah dilantik. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar tahfiz untuk dua institusi ini dianggarkan sebanyak 500 orang. Oleh itu, sampel kajian terdiri daripada 279 orang, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi di DQ dan KUIS (Krejeceie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedar

soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min persepsi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1:

Jadual 1: *Kategori Tahap Penilaian Min Skala Likert 4*

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Abdull Sukor (2008)

Bagi mengetahui tahap penguasaan bahasa Arab responden, penyelidik juga telah mengedar satu set ujian soalan bahasa Arab kepada pelajar untuk dijawab. Soalan kajian mengandungi 4 komponen soalan; 1) berkaitan dengan kemahiran membaca, 2) berkaitan dengan uslub bahasa Arab, 3) berkaitan dengan kosa kata bahasa Arab dan 4) berkaitan kemahiran menulis. Keputusan ujian dinilai berdasarkan gred, kekerapan dan peratus.

## PROFIL DEMOGRAFI KAJIAN

Kajian ini menggunakan seramai 279 sampel daripada 500 populasi. Hasil analisis aspek demografi iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, institusi, semester pengajian dan jujuk yang telah dihafaz. Kajian ini dianalisis secara frekuensi menggunakan aplikasi SPSS 21.0.

Jadual 2: *Profil Demografi Kajian*

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina</i>		
Lelaki	146	52.3%
Perempuan	133	47.7%
<i>Umur</i>		
18-22 Tahun	262	93.9%
23-27 Tahun	14	5.0%
28-32 Tahun	2	0.7%
Lain-lain	1	0.4%
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah	114	40.9%
Diploma	165	59.1%
<i>Institusi</i>		
KUIS	147	52.7%
DQ	132	47.3%
<i>Semester Pengajian</i>		
Semester 1	6	2.2%
Semester 2	240	86.0%
Semester 3	33	11.8%

Juzuk yang telah dihafaz		
0-10	162	58.1%
11-20	48	17.1%
21-30	69	24.7%

Jadual 2 menunjukkan berdasarkan jantina pelajar, seramai 146 orang (52.3%) pelajar lelaki dan seramai 133 orang (47.7%) pelajar perempuan. Berdasarkan umur, seramai 262 orang (93.9%) berumur antara 18 – 22 tahun. Seramai 14 orang (5.0%) berumur antara 23 – 27 tahun, seramai 2 orang (0.7%) berumur antara 28 – 32 tahun dan seramai 1 orang (0.4%) berumur 33 tahun dan ke atas. Berdasarkan tahap pendidikan, seramai 114 orang (40.9%) merupakan pelajar ijazah dan seramai 195 orang (59.1%) merupakan pelajar diploma. Bagi institusi pula, seramai 147 orang (52.7%) belajar di KUIS dan seramai 132 orang (47.3%) belajar di DQ. Bagi semester pengajian, seramai 6 orang (2.2%) masih berada pada semester 1, seramai 240 orang (86.0%) berada di semester 2, seramai 33 orang (11.8%) berada pada semester 3. Untuk juzuk yang telah dihafaz, seramai 162 orang (58.1%) menghafaz di antara 0-10 juzuk, seramai 48 orang (17.1%) menghafaz di antara 11 -20 juzuk dan seramai 69 orang (24.7%) menghafaz di antara 21-30 juzuk.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Penilaian Tahap Kemahiran Bahasa Arab Pelajar

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Membaca dan menghafaz al-Quran setiap hari memudahkan saya untuk membaca teks bahasa Arab.	3.15	.693	Tinggi
2	Membaca dan menghafaz al-Quran setiap hari memudahkan saya untuk memahami teks bahasa Arab.	3.05	.677	Tinggi
3	Membaca dan menghafaz al Quran setiap hari dapat melatih kemahiran mendengar saya.	3.17	.692	Tinggi
4	Menulis semula ayat-ayat al Quran dapat membantu saya menulis dalam bahasa Arab.	3.29	.633	Tinggi
5	Perkataan-perkataan ( <i>mufradat</i> ) dalam Al-Quran membantu saya dalam membina ayat-ayat dalam bahasa Arab.	3.10	.660	Tinggi
6	<i>Uslub-uslub</i> dalam Al-Quran membantu saya dalam menulis karangan bahasa Arab.	3.00	.699	Tinggi
7	Saya selalu menggunakan dalil-dalil al Quran dalam karangan bahasa Arab.	3.12	.694	Tinggi
8	Membaca dan menghafaz al Quran setiap hari dapat membantu saya bertutur dalam bahasa Arab.	2.91	.709	Sederhana
9	Perkataan-perkataan ( <i>mufradat</i> ) dalam Al-Quran membantu saya dalam bertutur bahasa Arab.	2.90	.685	Sederhana
10	<i>Uslub-uslub</i> dalam Al-Quran membantu saya dalam bertutur bahasa Arab.	2.87	.661	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.05</b>	<b>0.514</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 mendapati bahawa setiap nilai min tahap penilaian tahap kemahiran bahasa Arab pelajar bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 4 (Menulis semula ayat-ayat al Quran dapat membantu saya menulis dalam bahasa Arab) iaitu dengan nilai min = 3.29 dengan sisihan piawai 0.633. Seterusnya diikuti dengan item 1 (Membaca dan menghafaz al Quran setiap hari dapat melatih kemahiran mendengar saya) iaitu dengan nilai min = 3.17 dengan sisihan piawai = 0.692. Nilai min paling rendah dicapai oleh item 3 (Uslub-uslub dalam Al-Quran membantu saya dalam bertutur bahasa Arab) dengan nilai min = 2.87 dengan sisihan piawai = 0.661. Secara keseluruhannya, tahap kemahiran bahasa Arab bagi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.05 dengan sisihan piawai = 0.514.

*Jadual 4: Tahap Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz*

Gred	Kekerapan	Peratus
A (41-50) (cemerlang)	65	23.3%
B (31-40) (baik)	117	41.9%
C (21-30) (memuaskan)	73	26.2%
D (11-20) (Lemah)	23	8.2%
E (0-10) (sangat lemah)	1	4%

Jadual 4 menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz mengikut gred. Seramai 65 orang (23.3%) memperoleh gred A iaitu markah di antara 41- 50. Seterusnya seramai 117 (41.9%) memperoleh gred B iaitu markah di antara 31-40. Pelajar yang mendapat gred C iaitu markah di antara 21-30 seramai 73 orang (26.2%). Pelajar yang mendapat gred D seramai 23 orang (8.2%) iaitu markah di antara 11-20. Seterusnya, pelajar yang memperoleh gred E (gagal) ialah seorang (4%) iaitu markah di antara 0 -10. Dapatan daripada ujian yang dijalankan menunjukkan bahawa peratusan pelajar dalam menguasai bahasa Arab berada pada tahap B (baik) dan diikuti dengan gred C (memuaskan). Ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz masih belum mampu untuk mengaplikasi sepenuhnya mufradat dan uslub al-Quran yang telah dihafal dalam menguasai bahasa Arab.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa setiap nilai min tahap penilaian tahap kemahiran bahasa Arab pelajar berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa dengan berbantuan hafazan al-Quran, pelajar dapat membaca dan memahami teks Arab dengan baik. Bahkan hafazan al-Quran dapat melatih kemahiran mendengar pelajar serta membantu pelajar menulis dalam bahasa Arab. Namun yang demikian, melalui set ujian yang dijalankan terhadap kemahiran menulis pelajar tahfiz, mendapati bahawa kebanyakan pelajar tahfiz menyalin semula ayat-ayat al-Quran yang dihafal apabila diminta untuk menulis ayat-ayat mufidah menggunakan perkataan atau uslub yang diberi tanpa mengadaptasi mufradat atau uslub al-Quran tersebut mengikut kefahaman serta kreativiti mereka sendiri. Ini adalah amat merugikan pelajar kerana tiada pengembangan bahasa berlaku. Antara contoh soalan ujian yang diberikan kepada pelajar iaitu dengan menulis ayat menggunakan perkataan berikut استعينوا dengan menggunakan uslub sendiri. Kebanyakan pelajar menulis jawapan dengan membawakan ayat al-Quran dari surah al-Baqarah ayat 45 "قال الله تعالى: "استعينوا بالصبر والصلاة"



Kajian mendapati tiga (3) item yang mencatat nilai min yang rendah iaitu pada tahap sederhana: “Membaca dan menghafaz al Quran setiap hari dapat membantu saya bertutur dalam bahasa Arab”, “Perkataan-perkataan (mufradat) dalam Al-Quran membantu saya dalam bertutur bahasa Arab” dan “Uslub-uslub dalam Al-Quran membantu saya dalam bertutur bahasa Arab”. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun membaca dan menghafaz al-Quran setiap hari, namun aktiviti ini kurang membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur. Dalam erti kata yang lain, hafalan ayat-ayat al-Quran yang merangkumi mufradat serta uslub-uslub Arab seolahnya tidak dapat diguna serta diolahkan semula oleh pelajar tahfiz dalam pertuturan bahasa Arab.

Tidak dinafikan bahawa terdapat hubungkait yang sangat rapat di antara antara penguasaan bahasa Arab dengan pencapaian hafazan al-Quran. Beberapa kajian telah dijalankan, antaranya adalah berkaitan kekuatan penguasaan mufradat bahasa Arab dan hubungkaitnya dengan hafazan al-Quran ini menunjukkan bahawa bahasa Arab mampu dikuasai dengan baik apabila seseorang individu mampu menguasai al-Quran. Ini dapat dilihat kepada para pelajar dan pengajar yang telah menguasai hafazan al-Quran. Mereka mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menguasai bahasa Arab, ini kerana pendekatan hafazan al-Quran merupakan kaedah terbaik dalam menguasai mufradat dan boleh diaplikasikan penggunaan kalimahnyanya ketika proses pembelajaran dan pengajaran. (Mohd Zulkifli et.al, 2015). Namun dapatan kajian ini menunjukkan senario yang berbeza, ini kerana fokus yang hanya diberikan kepada hafazan al-Quran dan mengabaikan aspek penguasaan bahasa Arab. Ini boleh juga dilihat pada keadaan di mana pembelajaran bahasa Arab yang tidak dihubungkan dengan al-Quran, kesannya hafazan al-Quran tidak membantu penguasaan pembelajaran bahasa Arab. Ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Azmil & Ab. Halim Tamuri, 2012, Azmil et.al, 2013) bahawa kelemahan penguasaan bahasa Arab ini berlaku disebabkan pelajar tahfiz kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini membuka ruang kepada tenaga pengajar bahasa Arab untuk pelajar-pelajar Tahfiz al-Quran wal-Qiraat samada di KUIS atau di Darul Quran Jakim khususnya serta di Instusi Pengajian Tinggi yang lain, untuk memperoleh maklumat tentang penilaian tahap kemahiran serta penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz. Tenaga pengajar bahasa Arab khususnya perlu meningkatkan kualiti proses P&P untuk pelajar tahfiz dengan menjalin hubung antara kemahiran bahasa Arab dan hafazan Al-Quran. Teknik dan kaedah mengaplikasi al-Quran dalam kemahiran serta pengajaran bahasa Arab untuk pelajar tahfiz perlu dibina. Pelajar tahfiz juga perlu didedahkan dengan metodologi untuk menghubungkan serta menyepadukan pembelajaran bahasa dan ilmu al-Quran. Justeru, kajian lanjutan berkaitan pedagogi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar tahfiz al-Quran wal- Qiraat perlu dijalankan.

Ayat al-Quran	Klasifikasi Ilmu	Contoh Pembelajaran Bersepadu		
Ayat al-Quran إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا . سورة النبأ (الآية: ٢١)	1- Ilmu al-Quran	Surah An Naba' Juzuk 30. Terdiri 40 ayat. Makkiyyah-diturunkan di Makkah.	Perbincangan daripada segi ilmu tafsir, asbab nuzul dan lain-lain ilmu yang berkaitan.	
	2- Ilmu bahasa Arab	Segi Nahu: <b>Inna:</b> Perkataan selepas inna dibaca dengan baris fathah.  <b>Kanat:</b> Dibaca kanat kerana perkataan jahannam adalah perempuan. Terdapat isim kanat yang tidak kelihatan secara zahir.  <b>Mirsoda:</b> Perkataan ini dibaca dengan hukum nasab.	Segi Saraf: Jahannam adalah muannas majazi. Iaitu kata nama kategori perempuan yang tiada alamat, tetapi secara kiasan.	Pengetahuan bahasa Arab membantu pelajar mengingat baris.
	3- Kemahiran bahasa Arab	Kemahiran menulis: Menulis ayat lain menggunakan perkataan daripada ayat ini. الجهنم قريبة إن جهنم مرجعة	Kemahiran bertutur: فهمت من الآية أن جهنم قريبة	

## PENUTUP

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz berbantuan mufradat dan uslub al-Quran adalah tinggi khususnya dalam kemahiran membaca dan mendengar. Walaupun tahap kemahiran menulis pelajar adalah tinggi, namun praktikalnya kebanyakan pelajar tahfiz al-Quran wal – Qiraat hanya menyalin semula ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dalam menyempurnakan latihan penulisan bahasa Arab. Adapun tahap kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar tahfiz masih sederhana. Sehubungan itu, elemen-elemen kaedah pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar tahfiz al-Quran wal-Qiraat perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka silibus pengajaran dan pembelajaran. Pendedahan kaedah

serta teknik pembelajaran ini juga perlu dilakukan kepada pelajar dan bahkan kepada guru tahfiz agar kualiti bahasa Arab pelajar tahfiz al-Quran wal-Qiraat akan mencapai ke tahap yang memuaskan.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Ab. Halim Mohamad. 2009. *Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Di IPTA Malaysia*. Journal Of Islamic And Arabic Education 1(1), 2009 1-14.
- Abdul Sukor Shaari. 2008. *Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah*. IJMS 15.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. 2013. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. Journal Of Islamic And Arabic Education 4(2), 2012 1-10.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2012. *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. O-jIE The Online Journal of Islamic Education January 2013, Vol. 1 Issue 1, 28-39.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*. Journal of Al-Quran and Tarbiyyah, Vol 1(1) 2014 : 9-16 (e-ISSN : 2289-6171).
- Husna Rosidah, 2015. *Pengaruh Kemampuan Menghafal al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Bahasa Arab Siswa TAHfiz MTs*. YAPI PAKEM SLEMAN Yogyakarta Ditinjau dari Perspektif Teori Behavioris. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohd Hazli Yah@ Alias. 2008 *Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Tinjauan Literatur Mengenai Tahap Penguasaan Bahasa*. Pendidikan Bahasa (DP). Jilid 8, Bil. 2/2008.
- Krejeceie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining samples size for research activities*. Educational and Psychological Measurement 30(3): 607 - 610.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. 2014. *Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia*. GSE E-Journal of Education Vol. 1 No. 2, 2014. E-ISSN: 2289-6880.
- Mahyuddin Ashaari. 2001. *Pendidikan Al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir*. Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9, Bil.4, November 2001/1422.
- Mastura binti Arshad & Kaseh binti Abu Bakar. 2012. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian Di Pusat Asasi UIAM*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal, & Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478-49-9. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>
- Moh. Maksyufun Nuha. 2015. Tesis Sarjana. *Studi Korelasi Antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa Mi Matholiunnajah SinanggulKec. MlonggoKab. Jepara Tahun Pelajaran 2014/2015*. Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Mohd Zahimie Mohd Dzahid & Hakim Zainal. 2014. *Pengaruh Kelancaran Membaca Al-Quran Terhadap Kelancaran Membaca Teks Arab: Kajian Kes Di KUIM*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. (pnyt.) Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA. ISBN 978-967-5478-78-9.

- Mohd Zulkifli Muda, Harun Baharudin, Siti Fatimah Salleh. 2015. *Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran: Tinjauan Awal*. SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 10 – 11 October 2015. Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA
- Muhammad Kamil al Naqah. 1985. *Ta'lim al lughah al arabiyah linnatiqina biha*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Muslikhatun. 2016. *Pengaruh Konsentrasi Menghafal al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Bahasa Arab Di MTs Darul Ulum Muhammadiyah GALur Kulonprogo Yogyakarta*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Nik Mohd Rahimi bin Nik Yusof. 2003. *Pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab: Antara tradisi dan inovasi*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 3), p. 200-213.
- Nik Mohd Rahimi bin Nik Yusof. 2005. *Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamaruzzaman Ab. Ghani & Mowaffak Abdullah al-Qusyairi. 2008. *Fann al-Tadris al-Lugah al-Arabiyyah li Ghair al-Arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noza Aflisia. 2016. *Urgensi Bahasa Arab Bagi Hafizh al-Quran*. Fokus: Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan. Vol 1, Bil 01.
- Salleh Abdul Majid al Arabi. 1981. *Ta'alumil lughatul haiyyah wa ta'alimuha*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Siti Sofiah. 2013. *Studi Korelasi Antara Penguasaan Mufradat dengan Kemampuan Membaca Al-Quran di Pondok Pesantren Tahaffudzul Qur'an Purwoyoso Ngaliyan Semarang*. Tesis Sarjana. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Kependidikan IAIN Walisongo Semarang.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. *Strategi belajar yang berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.
- Yahya Othman. 2005. *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuantan: PTS Profesional.
- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming, Normaliza Abd Rahim. 2016. *Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran*. GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 16(2), June 2016 ISSN: 1675-8021.